

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



LEMBARAN DATA KESELAMATAN

Tarikh Dikeluarkan: May 2019
Semakan 17

BAHAGIAN 1 – PENGENALPASTIAN BAHAN DAN PEMBEKAL

- (a) Pengenalpasti produk GHS: **GMA Garnet™**
- (b) Cara pengenalpastian lain:
Pasir garnet, garnet almandina, PremiumBlast™, SpeedBlast™, NewSteel™, jejaring 30/60, jejaring 50, jejaring 60, jejaring 80, jejaring 120, 600/250.
- (c) Penggunaan yang dicadangkan: Pelelas pencucian bagas, pelelas pemotongan jet air, media penapisan air.
- (d) Butir-butir pembekal:
GMA Garnet Pty Ltd
122 Goulds Rd, Geraldton, Western Australia 6532
- | | |
|------------------------------------|---|
| Nombor Telefon: | Nombor faks: |
| +61 8 9923 6000 (Australia) | +61 8 9923 3747 |
| +1 832 243 9300 (Amerika Syarikat) | E-mel: sales@gmagarnet.com.au |
- (e) Nombor telefon kecemasan:
+61 8 9923 6000; 24 jam: +61 402 293 603 (Australia)
+1 832 243 9300; 24 jam: +1 713 301 0354 (Amerika Syarikat)

BAHAGIAN 2 - PENGENALPASTIAN BAHAYA

- (a) Pengelasan GHS bahan:
Tidak diklasifikasi.
- (b) Elemen label GHS, termasuk pernyataan langkah berjaga-jaga:
Produk ini secara dominan adalah garnet (pelbagai jenis almandina) yang merupakan bahan Bukan Berbahaya. Kesan habuk dalam produk yang tidak digunakan adalah daripada kalsium karbonat yang juga Bukan Berbahaya.
- (c) Bahaya lain yang tidak mengakibatkan klasifikasi:
Jangan menyedut habuk yang dibebaskan dari produk yang digunakan. Mungkin tercemar sekiranya digunakan.

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



BAHAGIAN 3 – KOMPOSISI / MAKLUMAT BAHAN

Bahan ini adalah campuran semula jadi garnet almandina dan mineral surih lain.

Identiti Kimia	Nama Biasa	Nombor CAS	Perkadaran (berat %)
$\text{Fe}_3\text{Al}_2(\text{SiO}_4)_3$	Garnet Almandina	1302-62-1	Lebih besar daripada 96%
FeTiO_3	Ilmenit	12168-52-4	Kurang daripada 3.5%
CaCO_3	Kalsium Karbonat (bebas)	471-34-1	Kurang daripada 1.0%
ZrSiO_4	Zirkon	14940-68-2	Kurang daripada 0.1%
SiO_2	Silika Hablur (bebas)	14808-60-7	Kurang daripada 0.1%

BAHAGIAN 4 – LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

Kesan kesihatan akut atau kronik tidak diketahui pada pekerja yang timbul daripada pendedahan jangka pendek atau panjang kepada produk ini.

(a) Penerangan langkah-langkah pertolongan cemas:

- ❓ **Penelanan:** Bukan toksik. Kesan kesihatan tidak diketahui akibat daripada penelanan tidak sengaja jumlah kecil yang boleh berlaku semasa pengendalian biasa. Penelanan jumlah lebih besar boleh menyebabkan ketidakselesaan abdomen disebabkan oleh keletasan. Dapatkan bantuan perubatan sekiranya simptom dikesan.
- ❓ **Sentuhan mata:** Pendedahan partikel dan habuk boleh menyebabkan kerengsaan mata disebabkan oleh keletasan. Jirus dengan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit atau sehingga partikel disingkirkan. Dapatkan bantuan perubatan sekiranya kerengsaan atau kesakitan berpanjangan.
- ❓ **Sentuhan kulit:** Kesan kesihatan tidak diketahui daripada sentuhan kulit yang boleh berlaku semasa pengendalian biasa. Dapatkan bantuan perubatan sekiranya simptom dikesan. Sentuhan dengan bahan di bawah tekanan akan merosakkan kulit oleh letasan. Cuci dan balut mana-mana luka terbuka dan dapatkan bantuan perubatan.
- ❓ **Penyedutan:** Pendedahan kepada habuk yang dihasilkan oleh penggunaan media pembersihan bagas boleh menyebabkan kerengsaan tekak dan paru-paru, batuk atau sesak nafas. Alihkan mangsa ke tempat berudara segar dan hembus hidung bagi mengeluarkan zarah dari rongga hidung. Dapatkan bantuan perubatan sekiranya simptom berpanjangan.

(b) Simptom dan kesan paling penting, akut dan juga tertunda:

- **Penelanan:** Simptom khusus tidak dicatatkan.
- **Sentuhan mata:** Simptom khusus tidak dicatatkan.
- **Sentuhan kulit:** Simptom khusus tidak dicatatkan.
- **Penyedutan:** Simptom khusus tidak dicatatkan.

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



- (c) Petunjuk bantuan perubatan segera dan rawatan khas yang diperlukan, jika perlu:
- Kemudahan pencuci mata disarankan untuk disediakan di tempat kerja.

BAHAGIAN 5 – LANGKAH-LANGKAH PEMADAMAN KEBAKARAN

Produk ini tidak mudah terbakar dan tidak menyokong pembakaran.

- | | |
|--|---|
| a) Media pemadaman: | Tidak mudah terbakar Gunakan media pemadaman yang sesuai untuk bahan sekitaran. |
| b) Bahasa khusus yang timbul daripada bahan kimia: | Tidak diketahui. |
| c) Peralatan perlindungan khas dan langkah berjaga-jaga: | Prosedur khusus tidak diberikan. Gunakan peralatan perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk kebakaran sekitaran. |

BAHAGIAN 6 – LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN PELEPASAN TIDAK SENGAJA

- (a) Langkah berjaga-jaga diri, peralatan perlindungan dan prosedur kecemasan:
Langkah berjaga-jaga khas tidak diperlukan. Pakai peralatan keselamatan seperti untuk pengendalian biasa.
- (b) Langkah berjaga-jaga alam sekitar:
Langkah berjaga-jaga khas tidak diperlukan. Bahan ini tidak boleh dibuang ke alam persekitaran sebaliknya dikumpul dan dilupuskan mengikut garis panduan tempatan, negeri atau persekutuan.
- (c) Kaedah dan bahan untuk pembendungan dan pembersihan:
Jika boleh, vakum bahan untuk mengelakkan bahan menghasilkan habuk yang tidak perlu, jika tidak, sapu dan sodok sebarang tumpahan.

BAHAGIAN 7 – PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

- (a) Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian selamat:
Langkah berjaga-jaga khas tidak diperlukan.
- (b) Keadaan penyimpanan selamat, termasuk sebarang ketidakserasian:

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



Kawasan penyimpanan perlu dialihudarkan dan penghasilan habuk dikurangkan apabila mengendalikan produk pukal lerai. Laksanakan amalan pengemasan yang baik bag memastikan gangguan habuk ke tahap minimum.

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



BAHAGIAN 8 – KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

(a) Parameter kawalan/Piawaian Pendedahan:

Silika hablur (kuartz) habuk terhirup: 0.1 mg/m³ TWA (purata wajaran masa) mungkin melebihi apabila produk digunakan untuk pencucian bagas kering, bergantung pada bahan yang dibagas (habuk terhirup adalah ≤ 7 mikron partikal setara garis pusat aerodinamik).

Jumlah habuk (tak terhirup): 10 mg/m³ TWA

(b) Kawalan kejuruteraan sesuai:

Kekalkan pengalihudaraan dan/atau pengumpulan habuk bagi mengurangkan pendedahan kepada habuk yang dihasilkan semasa pengendalian, penggunaan dan pembersihan. Kekalkan sebuah persekitaran kerja yang bersih dan selamat serta pantau keberkesanan.

(c) Langkah-langkah perlindungan individu:

Patuhi garis panduan tempatan, negeri atau persekutuan bagi kegunaan peralatan perlindungan diri. Operasi pencucian bagas perlu menggunakan hud bagas pelepas suapan udara yang mematuhi piawaian berkaitan misalnya Piawaian Australia 1715,1716 dan Piawaian Eropah EN14594:2005 misalnya Nova 2000, dan juga sarung tangan kulit (atau setara) dan apron apabila sedang digunakan. Perlindungan pendengaran juga perlu dipakai semasa pencucian bagas.

BAHAGIAN 9 – SIFAT-SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

(a) Rupa	: Pasir mengalir bebas berwarna merah jambu ke merah.
(b) Bau	: Tidak berbau.
(c) Ambang bau	: Tidak berkenaan.
(d) pH	: 8.0 hingga 9.0
(e) Takat lebu	: Kira-kira 1250°C (2282°F)
(f) Takat kilat	: Tidak mudah terbakar.
(g) Kadar penyejatan	: Tidak berkenaan.
(h) Kemudahbakaran (pepeja, gas)	: Tidak mudah terbakar
(i) Kemudahbakaran atas/bawah atau had letupan	: Tidak mudah terbakar.
(j) Tekanan wap	: Tidak berkenaan.
(k) Ketumpatan wap	: Tidak berkenaan.
(l) Graviti khusus	: 4.1
(m) Kebolehlarutan	: Tak boleh larut.
(n) Radioaktiviti	: Tidak boleh dikesan di atas paras latar belakang.
(o) Keliatan	: 7.5 – 8.0 Mohs
(p) Saiz partikel	: Julat purata di antara 0.1 – 0.6mm (150 jejaring – 30 jejaring), bergantung pada gred.
(q) Bentuk partikel	: Sub-sudut.
(r) Ketumpatan pukal	: Kira-kira 2.3 t/m ³ (145 lbs/kaki ³)
(s) Kandungan sebatian organik meruap	: Di bawah had yang boleh dikesan.
(t) Pekali sekatan: n-oktanol/air	: Tidak berkenaan.
(u) Suhu auto-pencucuhan	: Tidak berkenaan.
(v) Suhu penguraian	: Tidak berkenaan
(w) Kelikatan	: Tidak berkenaan.

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



BAHAGIAN 10 – KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

- | | |
|--|--|
| (a) Kereaktifan | : Pepejal lengai di bawah keadaan penyimpanan, pengendalian dan penggunaan biasa dan dijangka. |
| (b) Kestabilan kimis | : Pepejal stabil di bawah keadaan penyimpanan, pengendalian dan penggunaan biasa dan dijangka. |
| (c) Kemungkinan tindak balas berbahaya | : Tidak diketahui. |
| (d) Keadaan yang perlu dielakkan | : Tidak diketahui. |
| (e) Bahan tidak serasi | : Tidak diketahui. |
| (f) Produk penguraian berbahaya | : Tidak diketahui. |

BAHAGIAN 11 – MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

- (a) Maklumat tentang kesan toksikologi:
Kesan kesihatan akut atau kronik tidak diketahui pada pekerja yang timbul daripada pendedahan jangka pendek atau panjang kepada produk ini. Produk ini tidak mengandungi bahan toksik di atas had boleh lapor yang diketahui.
- (b) Simptom berkaitan dengan ciri-ciri fizikal, kimia dan toksikologi: Tidak diketahui.
- (c) Kesan tertunda dan segera dan juga kesan kronik daripada pendedahan jangka pendek dan panjang: Tidak diketahui.
- (d) Langkah-langkah ketoksikan berangka: Tidak diketahui.

BAHAGIAN 12 – MAKLUMAT EKOLOGI

- (a) Ekoketoksikan:
Produk ini adalah mineral yang berlaku secara semula jadi tanpa ekoketoksikan yang diketahui. Ia tidak boleh larut dalam air dan tidak mungkin mencemar laluan air atau rantaian makanan.
- (b) Keterusan dan keterdegradasikan:
Produk stabil dan lengai yang tidak mudah biorosot.
- (c) Potensi biopengumpulan: Produk ini adalah bukan biopengumpulan.
- (d) Mobiliti dalam tanah: Di bawah had yang boleh dikesan.
- (e) Kesan buruk lain: Tidak diketahui.

BAHAGIAN 13 – PERTIMBANGAN PELUPUSAN

- (a) Kaedah pelupusan:
Patuhi garis panduan tempatan, negeri atau persekutuan untuk pelupusan sisa pepejal lengai, cth. untuk tapak pelupusan.
- (b) Pertimbangan pelupusan sisa:

Safety Data Sheet

GMA Garnet™



BAHAN YANG TERCEMAR ATAU DIKURANGKAN KEPADA HABUK SEMASA DIGUNAKAN MUNGKIN PERLU PENGENDALIAN DAN PELUPUSAN KHAS. PENGGUNA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENJALANKAN APA-APA KLASIFIKASI PENILAIAN DAN PELUPUSAN BAHAN SELEPAS KEGUNAAN.

BAHAGIAN 14 – MAKLUMAT PENGANGKUTAN

- | | | |
|---|---|--|
| a) Nombor PBB | : | Tidak diperuntukkan. |
| b) Nama penghantaran sebenar PBB: | : | Tidak diklasifikasi untuk pengangkutan. |
| c) Kelas(-kelas) bahaya pengangkutan | : | Tidak diklasifikasi sebagai Berbahaya di bawah Kod ADG. |
| d) Kumpulan pembungkusan | : | Tidak diklasifikasi untuk pengangkutan. |
| e) Bahaya alam sekitar | : | Tidak diklasifikasi sebagai pencemar laut. Tidak memenuhi kriteria 2.9.3.3.1 "bahan membahayakan alam sekitar (persekitaran akuatik)". |
| f) Langkah berjaga-jaga khas untuk pengguna | : | Tidak perlu. Adalah disarankan untuk memastikan beg tertutup dan muatan pukal kering ditutup bagi mencegah penghasilan habuk dan kemunculan mendadak kelembapan. |
| g) Kod Hazchem | : | Tidak diperuntukkan. |
| h) Kod Sistem Terharmoni | : | 251320 |

BAHAGIAN 15 – MAKLUMAT KAWAL SELIA

- (a) Peraturan/ undang-undang keselamatan, kesihatan dan alam sekitar khusus untuk campuran bahan:

GMA Garnet™ dikecualikan daripada kewajipan untuk mendaftar di bawah undang-undang REACH (EC 1907/2006) Lampiran V 7.

Produk ini adalah bahan bukan organik dan tidak memenuhi kriteria untuk PBT atau vPvB menurut Lampiran XIII REACH.

Peraturan tambahan untuk produk ini tidak diketahui.

BAHAGIAN 16 – MAKLUMAT LAIN

SDS ini telah disediakan oleh GMA Garnet Pty Ltd dan mematuhi Kod Amalan Kerja Selamat Australia mengenai *Persediaan Lembaran Data Keselamatan untuk Bahan Kimia Berbahaya Disember 2011* dan mengikuti Sistem Terharmoni Global bagi Klasifikasi dan Pelabelan Bahan Kimia (GHS).

Menurut Nota Panduan Kerja Selamat NOHSC 3017, setiap pengguna perlu menyemak maklumat dalam konteks khusus bagi penggunaan yang dicadangkan.

Tarikh Dikeluarkan: May 2019

Semakan 17

Penghujung SDS.